

**PERSATUAN KEBAJIKAN RONALD
MCDONALD MALAYSIA**

**Penyata Kewangan
31 Disember 2021**

**Persatuan Kebajikan Ronald McDonald Malaysia (1052/90)
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)**

Kandungan	Muka surat
Laporan ahli jawatankuasa	1
Laporan juruaudit	2 - 5
Lembaran imbangan	6
Penyata pendapatan dan perbelanjaan	7 - 8
Nota-nota kepada penyata kewangan	9 - 15

**Persatuan Kebajikan Ronald McDonald Malaysia (1052/90)
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)**

Laporan ahli jawatankuasa

Kami, Dato' Azmir Bin Jaafar dan Ng Tse Ping, dua ahli daripada jawatankuasa Persatuan Kebajikan Ronald McDonald Malaysia ("Persatuan"), menyatakan bahawa pada pendapat para ahli jawatankuasa Persatuan tersebut, penyata kewangan yang dikemukakan pada muka surat 6 hingga 15 telah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai lembaran imbangan pada 31 Disember 2021 dan penyata pendapatan dan perbelanjaan untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan ringkasan dasar-dasar perakaunan utama yang dibentangkan di Nota 2(a) hingga 2(g) kepada penyata kewangan dan menurut peruntukan Akta Pertubuhan, 1966 di Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak ahli-ahli jawatankuasa Persatuan tersebut selaras dengan resolusi para ahli jawatankuasa bertarikh 30 Mac 2022.



Dato' Azmir Bin Jaafar
Presiden



Ng Tse Ping
Bendahari Kehormat

**Laporan juruaudit Persatuan Kebajikan Ronald McDonald Malaysia ("PKRMM")
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021
(Diperbadankan di Malaysia)**

Laporan mengenai audit penyata kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan PKRMM yang merangkumi lembaran imbalan pada 31 Disember 2021, penyata pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, dan ringkasan dasar-dasar perakaunan utama dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan di muka surat 6 hingga 15.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut memberi gambaran benar dan saksama tentang kedudukan kewangan PKRMM pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangannya bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut menurut dasar-dasar perakaunan yang dibentangkan di Nota 2(a) hingga 2(g) kepada penyata kewangan dan peruntukan Akta Pertubuhan, 1966 di Malaysia.

Penekanan perkara - Asas utama perakaunan

Kami ingin menarik perhatian kepada Nota 2(a) hingga 2(g) kepada penyata kewangan, yang menerangkan dasar perakaunan. Penyata kewangan disediakan menurut dasar-dasar perakaunan seperti yang dinyatakan dalam Nota 2(a) hingga 2(g) kepada penyata kewangan. Pendapat kami tidak diubahsuai berkenaan dengan perkara ini.

Asas pendapat

Kami telah menjalankan audit kami mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dihuraikan dengan lanjut dalam laporan kami di bawah seksyen "Tanggungjawab juruaudit untuk pengauditan penyata kewangan". Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian sebagai asas bagi pendapat audit kami.

Bebas dan tanggungjawab etika lain

Kami bebas daripada PKRMM selaras dengan Undang-Undang Kecil (Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Kod Etika Antarabangsa untuk Akauntan Profesional (termasuk Standard Kebebasan Antarabangsa) ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika yang lain mengikut Undang-Undang Kecil dan Kod IESBA.

**Laporan juruaudit Persatuan Kebajikan Ronald McDonald Malaysia ("PKRMM")
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 (bersambung)
(Diperbadankan di Malaysia)**

Laporan mengenai audit penyata kewangan (bersambung)

Tanggungjawab ahli-ahli jawatankuasa PKRMM terhadap penyata kewangan

Ahli-ahli jawatankuasa adalah bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama berdasarkan dasar-dasar perakaunan yang dibentangkan di Nota 2(a) hingga 2(g) kepada penyata kewangan dan peruntukan Akta Pertubuhan, 1966 di Malaysia. Ahli-ahli jawatankuasa juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang mana ahli-ahli jawatankuasa menentukan pentingnya penyediaan penyata kewangan PKRMM yang bebas dari salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh salah laku atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan PKRMM, ahli-ahli jawatankuasa bertanggungjawab untuk menilai keupayaan PKRMM untuk terus sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, bila perlu perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan jika ahli-ahli jawatankuasa sama ada berhasrat untuk membubarkan PKRMM atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi perlu untuk berbuat demikian.

Tanggungjawab juruaudit untuk pengauditan penyata kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan PKRMM secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan pada tahap yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, ianya boleh dijangka dengan munasabah akan mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang dibuat berdasarkan penyata kewangan ini.

**Laporan juruaudit Persatuan Kebajikan Ronald McDonald Malaysia ("PKRMM")
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 (bersambung)
(Diperbadankan di Malaysia)**

Laporan mengenai audit penyata kewangan (bersambung)

Tanggungjawab juruaudit untuk pengauditan penyata kewangan (bersambung)

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional semasa audit dijalankan. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan PKRMM, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, reka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk menyediakan asas kepada pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada untuk salah nyata akibat daripada kesilapan memandangkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman PKRMM;
- Menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh ahli-ahli jawatankuasa;
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian ahli-ahli jawatankuasa pada polisi perakaunan usaha berterusan dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidakpastian material wujud yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang besar ke atas keupayaan untuk meneruskan usaha berterusan PKRMM. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian material wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan PKRMM atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi untuk mengubah pendapat kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan yang berkemungkinan boleh menyebabkan PKRMM untuk menghentikan terus usaha yang berterusan; dan
- Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan PKRMM, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan menggambarkan transaksi asas dan peristiwa dengan pembentangan saksama.

**Laporan juruaudit Persatuan Kebajikan Ronald McDonald Malaysia ("PKRMM")
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 (bersambung)
(Diperbadankan di Malaysia)**

Laporan mengenai audit penyata kewangan (bersambung)

Tanggungjawab juruaudit untuk pengauditan penyata kewangan (bersambung)

Kami berkomunikasi dengan ahli-ahli jawatankuasa mengenai, antara perkara-perkara lain, skop yang dirancang dan masa untuk audit dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa audit kami.

Lain-lain perkara

Laporan ini dibuat hanya kepada ahli-ahli jawatankuasa PKRMM, sebagai sebuah badan, dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada pihak-pihak lain berkenaan isi kandungan laporan ini.



Ernst & Young PLT
202006000003 (LLP0022760-LCA) & AF 0039
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
30 Mac 2022

Persatuan Kebajikan Ronald McDonald Malaysia (1052/90)
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)

Lembaran imbalan
pada 31 Disember 2021

	Nota	2021 RM	2020 RM
Aset jangka panjang			
Aset tetap	3	<u>15,975</u>	<u>21,403</u>
Aset semasa			
Stok	4	19,092	17,271
Penghutang lain	5	746,924	282,656
Faedah akan diterima		55,729	53,450
Simpanan tetap dengan bank-bank berlesen	7	3,817,119	2,746,166
Baki bank dan tunai		<u>1,771,004</u>	<u>875,969</u>
Jumlah aset		<u>6,409,868</u>	<u>3,975,512</u>
Liabiliti semasa			
Pemiutang lain		<u>726,317</u>	<u>429,523</u>
Aset semasa bersih		<u>5,683,551</u>	<u>3,545,989</u>
		<u>5,699,526</u>	<u>3,567,392</u>
Dibiayai oleh:			
Dana biasa			
Pada 1 Januari		3,567,392	3,401,425
Keuntungan pendapatan bagi tahun kewangan		<u>2,132,134</u>	<u>165,967</u>
Pada 31 Disember		<u>5,699,526</u>	<u>3,567,392</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**Persatuan Kebajikan Ronald McDonald Malaysia (1052/90)
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)**

**Penyata pendapatan dan perbelanjaan
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021**

	2021	2020
	RM	RM
Pendapatan		
Yuran diterima	1,105	465
Faedah diterima	77,631	100,200
	<u>78,736</u>	<u>100,665</u>
Kegiatan-kegiatan kutipan wang		
Pendapatan bersih daripada Kejujanan Amal Golf	370,711	351,529
Kutipan wang daripada tabung derma	2,493,223	1,001,602
Sumbangan daripada Gerbang Alaf Restaurants Sdn Bhd	300,000	534,940
Kutipan wang untuk program "Gift of Smile"	2,536	29
Kutipan wang untuk "RMH I Fund"	72,910	18,000
Kutipan wang untuk "RMH II Fund"	23,405	10,800
Kutipan wang untuk "RMH III Fund"	40,857	-
Kutipan wang untuk Bilik Sensori Ronald McDonald	195,747	93,500
Kutipan wang untuk program "Back to School Pack"	696,989	758,242
Kutipan wang daripada program "Neon Charity Run"	-	9,125
Lain-lain pendapatan	1,707,374	221,852
	<u>5,903,752</u>	<u>2,999,619</u>
Jumlah pendapatan	<u>5,982,488</u>	<u>3,100,284</u>

**Persatuan Kebajikan Ronald McDonald Malaysia (1052/90)
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)**

**Penyata pendapatan dan perbelanjaan
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 (bersambung)**

	Nota	2021 RM	2020 RM
Tolak: Perbelanjaan			
Derma/tajaan	6	3,253,498	2,371,549
Percetakan dan alat tulis		769	2,320
Caj bank		804	247
Perjalanan dan kos membaiki kereta		14,074	16,109
Perbelanjaan operasi		4,706	1,566
Perbelanjaan pentadbiran	8	554,056	487,978
Susut nilai	3	10,728	11,106
Perbelanjaan lain		2,518	34,090
Mesyuarat agung tahunan		547	390
Insurans		8,654	8,962
Jumlah perbelanjaan		<u>3,850,354</u>	<u>2,934,317</u>
Keuntungan pendapatan bagi tahun kewangan		<u>2,132,134</u>	<u>165,967</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**Persatuan Kebajikan Ronald McDonald Malaysia (1052/90)
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)**

Nota-nota kepada penyata kewangan - 31 Disember 2021

1. Maklumat korporat

Kegiatan utama Persatuan Kebajikan Ronald McDonald Malaysia ("Persatuan") adalah membantu kanak-kanak yang kurang bernasib baik di dalam aspek kesihatan, pendidikan dan sosial. Tiada sebarang perubahan ketara dalam kegiatan utama Persatuan tersebut di sepanjang tahun kewangan ini.

Persatuan adalah sebuah badan kebajikan berdaftar di bawah Akta Pertubuhan, 1966 di Malaysia dengan nombor pendaftaran 1052/90. Tempat urusan utama Persatuan Kebajikan Ronald McDonald Malaysia adalah di Tingkat 6, Bangunan TH, Damansara Uptown 3, No. 3, Jalan SS21/39, 47400 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Bilangan kakitangan dalam Persatuan pada akhir tahun kewangan adalah 7 (2020: 6) orang.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh jawatankuasa Persatuan untuk diterbitkan menurut resolusi para ahli jawatankuasa pada 30 Mac 2022.

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting

(a) Asas penyediaan

Penyata kewangan ini telah disediakan berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan yang berikut dan mematuhi peruntukan Akta Pertubuhan, 1966 di Malaysia.

(b) Pengiktirafan pendapatan dan perbelanjaan

Pendapatan dan perbelanjaan diambil kira atas asas akruan.

(c) Aset tetap

Semua aset tetap dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul. Aset tetap disusut nilai berdasarkan asas garisan lurus pada kadar 25% setahun. Semasa pelupusan sesuatu aset, perbezaan nilai di antara amaun pelupusan dengan nilai buku bersih dikenakan atau dikreditkan ke penyata pendapatan.

**Persatuan Kebajikan Ronald McDonald Malaysia (1052/90)
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)**

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

(d) Pelaburan jangka panjang

Pelaburan jangka panjang dinyatakan pada kos selepas ditolak peruntukan bagi sebarang pengurangan nilai kekal. Peruntukan seumpama itu diperbuat apabila terdapat kejatuhan kekal nilai pelaburan dan diiktiraf sebagai kerugian dalam tempoh di mana pengurangan itu berlaku. Dalam pelepasan pelaburan, perbezaan antara hasil bersih penjualan dan nilai yang dibawa dikenakan atau dikreditkan dalam penyata pendapatan.

(e) Stok

Stok dinilai secara selaras mengikut nilai terendah di antara kos dan nilai jualan bersih.

(f) Pengiktirafan perolehan

Perolehan diiktiraf apabila wujudnya kebarangkalian bahawa faedah ekonomi hasil daripada transaksi akan mengalir masuk ke Persatuan dan amaun perolehan tersebut boleh diukur secara munasabah.

(i) Sumbangan

Sumbangan diambil kira mengikut asas tunai dan hanya akan diiktiraf apabila ianya diterima.

(ii) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf berdasarkan asas pembahagian masa yang menggambarkan hasil penuh daripada aset.

(g) Manfaat pekerja

(i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial ("SOCSO") diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh pekerja-pekerja Persatuan. Pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar adalah diiktiraf apabila perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja-pekerja akan menambahkan hak untuk pampasan ketidakhadiran akan datang. Pampasan ketidakhadiran tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit adalah diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

**Persatuan Kebajikan Ronald McDonald Malaysia (1052/90)
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)**

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

(g) Manfaat pekerja (bersambung)

(ii) Pelan caruman tetap

Seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, Persatuan membuat caruman kepada skim persaraan negara, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"). Caruman ini diiktiraf sebagai suatu perbelanjaan yang telah dibuat di dalam penyata pendapatan.

3. Aset tetap

	Tabung derma RM	Komputer dan peralatan RM	Jumlah RM
Pada 31 Disember 2021			
Kos			
Pada 1 Januari 2021	169,259	68,750	238,009
Penambahan	5,300	-	5,300
Pada 31 Disember 2021	<u>174,559</u>	<u>68,750</u>	<u>243,309</u>
Susut nilai terkumpul			
Pada 1 Januari 2021	156,855	59,751	216,606
Susut nilai tahun semasa	6,888	3,840	10,728
Pada 31 Disember 2021	<u>163,743</u>	<u>63,591</u>	<u>227,334</u>
Nilai buku bersih	<u>10,816</u>	<u>5,159</u>	<u>15,975</u>

Persatuan Kebajikan Ronald McDonald Malaysia (1052/90)
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)

3. Aset tetap (bersambung)

	Tabung derma RM	Komputer dan peralatan RM	Jumlah RM
Pada 31 Disember 2020			
Kos			
Pada 1 Januari 2020	164,171	68,750	232,921
Penambahan	5,088	-	5,088
Pada 31 Disember 2020	<u>169,259</u>	<u>68,750</u>	<u>238,009</u>
Susut nilai terkumpul			
Pada 1 Januari 2020	149,589	55,911	205,500
Susut nilai tahun semasa	7,266	3,840	11,106
Pada 31 Disember 2020	<u>156,855</u>	<u>59,751</u>	<u>216,606</u>
Nilai buku bersih	<u>12,404</u>	<u>8,999</u>	<u>21,403</u>

4. Stok

	2021 RM	2020 RM
Pada kos:		
Beg	12,798	13,932
Tuala golf	28	28
T-Shirt golf	2,128	731
Alat tulis	61	61
Cenderahati	491	491
Beg Pouch	729	729
Beg Woven	283	299
Beg Duffle	2,154	-
Buku Nota	420	1,000
	<u>19,092</u>	<u>17,271</u>

**Persatuan Kebajikan Ronald McDonald Malaysia (1052/90)
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)**

5. Penghutang lain

	2021	2020
	RM	RM
Gerbang Alaf Restaurants Sdn. Bhd.	398,540	276,485
Lain-lain penghutang	348,384	6,171
	<u>746,924</u>	<u>282,656</u>

Jumlah hutang daripada Gerbang Alaf Restaurants Sdn. Bhd. adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan tidak mempunyai terma bayaran balik yang tetap.

6. Derma/tajaan

	2021	2020
	RM	RM
Basiswa kepada pelajar-pelajar tajaan RMHC	85,160	192,420
Perbelanjaan untuk program Rumah Ronald McDonald di Hospital Canselor Tuanku Muhriz Universiti Kebangsaan Malaysia ("HCTM UKM")	110,054	80,990
Perbelanjaan untuk program Rumah Ronald McDonald di Hospital Universiti Sains Malaysia ("HUSM")	78,465	61,060
Perbelanjaan untuk program Rumah Ronald McDonald di Hospital Tunku Azizah ("HTA")	52,050	3,000
Perbelanjaan pembinaan Rumah Ronald McDonald di Hospital Tunku Azizah ("HTA")	550,624	-
Kos pentadbiran untuk Rumah Ronald McDonald di HCTM UKM, HUSM dan HTA (Nota 9(b))	261,120	172,339
Derma kepada organisasi-organisasi kebajikan	246,492	132,600
Derma kepada pelajar untuk Program Kembali Ke Sekolah	1,309,130	1,089,022
Derma untuk bantuan perubatan	97,230	100,076
Derma untuk bantuan banjir	13,631	-
Kos perubatan untuk kanak-kanak yang menghidap klef bibir dan langit (Gift of Smile)	218,613	161,572
Kos pembinaan dan peralatan bilik sensori di McDonald's Tampin	-	178,556
Kos peralatan bilik sensori di Hospital Tunku Azizah (KL)	39,820	-
Kos penyelenggaraan dan menaik taraf peralatan, kos papan tanda bilik sensori serta sumbangan kepada Pusat Pemulihan Dalam Komuniti	149,048	196,079
Lain-lain derma	42,061	3,835
	<u>3,253,498</u>	<u>2,371,549</u>

**Persatuan Kebajikan Ronald McDonald Malaysia (1052/90)
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)**

7. Simpanan tetap dengan bank-bank berlesen

Kadar faedah tetap efektif purata dan purata kematangan deposit Persatuan pada tarikh pelaporan adalah seperti berikut:

	2021	2020
Kadar faedah tetap berkesan purata wajaran (%)	1.04	1.49
Julat matang (bulan)	<u>12</u>	<u>3 - 12</u>

8. Perbelanjaan pentadbiran

Jumlah perbelanjaan pentadbiran adalah seperti berikut:

	Nota	2021 RM	2020 RM
Perbelanjaan pentadbiran:			
Kos pekerja	9(a)	536,931	475,034
Lain-lain perbelanjaan		<u>17,125</u>	<u>12,944</u>
		<u>554,056</u>	<u>487,978</u>

9. Kos pekerja

Termasuk dalam jumlah perbelanjaan adalah kos pekerja seperti berikut:

	Nota	2021 RM	2020 RM
(a) Pentadbiran:			
Upah dan gaji		374,671	371,280
Bonus		93,191	46,398
Caruman kepada KWSP		56,926	49,371
SOCOSO		3,204	3,304
Lain-lain manfaat pekerja		<u>8,939</u>	<u>4,681</u>
	8	<u>536,931</u>	<u>475,034</u>
(b) Rumah Ronald McDonald di HCTM UKM, HUSM dan HTA:			
Upah dan gaji		182,640	132,135
Bonus		41,018	17,308
Caruman kepada KWSP		27,674	18,259
SOCOSO		2,443	1,847
Lain-lain manfaat pekerja		<u>7,345</u>	<u>2,790</u>
	6	<u>261,120</u>	<u>172,339</u>

**Persatuan Kebajikan Ronald McDonald Malaysia (1052/90)
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)**

10. Cukai

Persatuan ini adalah dikecualikan daripada membayar cukai pendapatan mengikut Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan, 1967 di Malaysia.